

04 APR 1997

Mahathir-Francais

KERAJAAN MAHU GUNA SISTEM FRANCAIS UNTUK LAHIR RAMAI USAHAWAN

KOTA BAHARU, 4 April (Bernama) -- Kerajaan berhasrat menggunakan secara meluas pendekatan sistem perniagaan bercorak francais bagi melahirkan lebih ramai usahawan bumiputera daripada golongan pertengahan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan yakin peniagaan jenis itu mampu melahirkan lebih ramai golongan usahawan bumiputera dalam tempoh singkat kerana senang dikendalikan dan banyak kemudahan disediakan.

"Bagi mencapai matlamat itu, perniagaan francais akan diperkenalkan khususnya kepada mereka yang bekerja makan gaji tetapi berpendapatan bulanan yang terhad," katanya ketika merasmikan kilang Ain Medicare Sdn Bhd di Pengkalan Chepa di sini, hari ini.

"Kita tertarik dengan sistem francais kerana ramai di antara kita yang tidak tahu cara menguruskan perniagaan...yang kita tahu hanya untuk mengeluarkan barang manakala bagi menguruskannya supaya membawa keuntungan, kita tidak begitu pandai," kata beliau.

Dr Mahathir berkata sistem francais itu akan diperkenalkan di kalangan kakitangan kerajaan sebagai bentuk latihan dalam mengendalikan bidang perniagaan perusahaan.

Beliau berkata kerajaan telah mengkaji kaedah dan jenis perniagaan yang sesuai dikendalikan secara francais untuk diceburi golongan berkenaan.

Perdana Menteri berkata sistem francais mempunyai banyak kelebihan bagi usahawan Melayu yang kurang berpengalaman kerana semua barangan yang hendak diperniagakan akan disediakan manakala modal permulaan adalah kecil.

Sebagai contoh, kata Dr Mahathir, sate boleh difrancaiskan supaya perniagaannya dapat dipertingkatkan daripada berniaga di tepi jalan ke premis yang lebih baik seperti makanan segera McDonalds.

Malah banyak lagi makanan Melayu yang telah dan sedang dikenal pasti oleh Kementerian Pembangunan Usahawan berpotensi untuk dimajukan melalui sistem francais, katanya.

Dr Mahathir juga berkata penglibatan bumiputera dalam perniagaan yang besar kini membuktikan keupayaan golongan itu melibatkan diri dalam teknologi termoden.

Dr Mahathir berkata kejayaan yang dicapai oleh mereka adalah berdasarkan kepada cara pengurusan perniagaan yang teratur.

"Kalau kita buat dengan tertib...kita akan berjaya, walaupun ada saingan, akhirnya golongan korporat kita telah bertambah," katanya.

Pada majlis itu Dr Mahathir turut menyaksikan upacara menandatangani kontrak antara Ain Medicare Sdn Bhd dan Remedi Pharmaceuticals Sdn Bhd untuk membolehkan syarikat itu mengedar produk Ain Medicare ke hospital-hospital seluruh negara.

Ain Medicare diwakili pengerusinya Wan Ariff Wan Hamzah manakala Remedi Pharmaceuticals diwakili oleh pengerusinya Datuk Ramli Mat Wajib.

Ain Medicare Sdn Bhd juga turut menandatangani perjanjian kontrak dengan Sino-Singapore Medical Disposable Pte Ltd untuk membolehkan syarikat itu memasarkan produk Ain Medicare di pasaran antarabangsa.

Wan Ariff mewakili Ain Medicare manakala Syarikat Singapura itu diwakili pengarah urusannya, Peter Loh.

Ain Medicare, yang beroperasi pada 15 Mei 1995, merupakan syarikat pengeluar barangan farmaseutikal yang mendapat kelulusan dari Biro Pengawasan Farmaseutikal kebangsaan.

Kompleks farmaseutikal Ain Medicare yang menelan belanja RM25 juta

merangkumi bahagian pengeluaran yang mempunyai bilik bersih dari kelas 100, kelas 1,000 dan kelas 10,000 seluas 1,800 meter persegi, makmal analitikal dan makmal mikrobiologi yang dilengkapi dengan peralatan moden.

Keluaran utama Ain Medicare ialah larutan intravena dan haemodialisis padu ke hospital-hospital kerajaan dan swasta.

Syarikat itu dianggarkan dapat membekalkan keluaran farmaseutikal bernilai RM15 juta setahun dan kini sedang berusaha untuk menembusi pasaran luar negara seperti Asia Tenggara dan Timur Tengah. --BERNAMA

BD NAK